KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita RTM
TAJUK	Tiga inisiatif TVET KKDW sasar luaskan peluang kerjaya anak desa
PAUTAN	https://tinyurl.com/mry3tw9t

Tiga inisiatif TVET KKDW sasar luaskan peluang kerjaya anak desa

25/10/2026 | 3:21 PM - NASIONAL



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meninjau ruang pameran Ekspo Tvet @ KKDW di pekarangan Stadium Sungai Besar hari ini./ BERNAMA

SUNGAI BESAR, 25 Oktober – Peluang kerjaya siswazah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), khususnya dalam kalangan anak desa, bakal diperkukuh menerusi tiga inisiatif strategik Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

RINGKASAN BERITA AI

Inisiatif dijangka mampu menghubungkan latihan kemahiran dengan keperluan industri serta pembangunan perusahaan tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pendekatan itu merangkumi Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW, TVET Jana Desa dan Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW, yang akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Kerjasama antara institusi latihan dengan majikan perlu bermula sebelum pelatih mengikuti program bagi memastikan kemahiran yang dibangunkan benar-benar menepati keperluan pasaran pekerjaan.

"Menerusi Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW, kompetensi, syarat penempatan dan pakej gaji bagi program terpilih akan dipersetujui bersama majikan sebelum pengambilan pelatih, selain membabitkan industri dalam pembangunan kurikulum dan penilaian.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Teknologi kuantum ukuran baharu dalam TVET – TPM
PAUTAN	https://tinyurl.com/5c3pc7de

Teknologi kuantum ukuran baharu dalam TVET – TPM



AHMAD Zahid Hamidi menyaksikan pameran teknologi robot pada Ekspo TVET@KKDW di Sungai Besar, Sabak Bernam, hari ini. - UTUSAN / M. FIRDAUS M. JOHARI

Oleh MOHAMAD ATHIR BIN ISMAIL 25 Oktober 2026, 1:59 pm

SABAK BERNAM: Pengetahuan dan kemahiran terhadap penguasaan teknologi kuantum menjadi ukuran baharu dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyiapkan generasi muda pada hari ini.

Langkah itu merupakan sebahagian daripada usaha memastikan kemahiran berteraskan teknologi yang bakal membentuk masa depan itu dapat dikuasai dan diadaptasi seperti mana penguasaan terhadap kecerdasan buatan (AI) ketika ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, institusi TVET di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) perlu bersedia dan memastikan pengajar mendapat pendedahan awal.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	NST
TAJUK	Zahid outlines 3 TVET initiatives for rural youth
PAUTAN	https://tinyurl.com/yvdkmmd

Zahid outlines 3 TVET initiatives for rural youth

By Amirul Aiman Hamsuddin October 25, 2026 @ 5:11pm



Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi giving a speech at the opening of the TVET Expo at Stadium Sungai Besar. – BERNAMA PIC

Get breaking news fast — follow us on WhatsApp and Telegram.

Get the quick story here Summarise for me

SUNGAI BESAR: Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi has outlined three technical and vocational education and training (TVET) initiatives to produce skilled workers and entrepreneurs among rural youth.

The initiatives are the TVET Premium Career Agreement, TVET Jana Desa and Smart and Green TVET Workshops, which will be implemented in phases.

Zahid, who is also rural and regional development minister, said the TVET Premium Career Agreement would prioritise early cooperation with employers in selected programmes, including agreements on competencies, placement conditions and salary packages before trainees are recruited.

He said industry players would also be involved in curriculum development and assessments to ensure training met labour market needs.

"This approach is intended to improve job matching, ensure appropriate starting salaries and provide clearer career progression pathways for TVET graduates," he said.

He was speaking at the opening of the TVET Expo at Stadium Sungai Besar.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	KKDW Outlines Three Strategic TVET Initiatives to Boost Rural Youth Careers
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc4nhvnw

GENERAL > NEWS

KKDW Outlines Three Strategic TVET Initiatives To Boost Rural Youth Careers

25/10/2026 03:45 PM



SUNGAI BESAR, Oct 25 (Bernama) -- The Rural and Regional Development Ministry (KKDW) has outlined three strategic Technical and Vocational Education and Training (TVET) initiatives to enhance graduates' employability and provide rural youths with opportunities to master artificial intelligence (AI) technology.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is also Rural and Regional Development Minister, said the initiatives, which would be implemented in phases, comprise the KKDW TVET Premium Career Agreement, TVET Jana Desa and TVET@KKDW Smart and Green Workshops.

He said the KKDW TVET Premium Career Agreement requires employers to agree on the competencies, placement requirements and salary packages for selected programmes before trainees are recruited.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	KKDW Gariskan Tiga Inisiatif Strategik TVET, Perkukuh Kerjaya Anak Desa
PAUTAN	https://tinyurl.com/mpu949cw

AM > BERITA

KKDW Gariskan Tiga Inisiatif Strategik TVET, Perkukuh Kerjaya Anak Desa

25/10/2026 02:52 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melihat arca besi sewaktu melawat ruang pameran ketika hadir pada Ekspo TVET @ KKDW di pekarangan Stadium Sungai Besar. -- fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

SUNGAI BESAR, 25 Okt (Bernama) -- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menggariskan tiga inisiatif strategik Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memperkukuh kebolehpasaran graduan serta membuka peluang penguasaan teknologi kecerdasan buatan (AI) kepada anak muda desa.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata inisiatif yang akan dilaksanakan secara berfasa itu merangkumi Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW, TVET Jana Desa serta Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW.

Beliau berkata Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW memerlukan kompetensi, syarat penempatan dan pakej gaji bagi program terpilih dipersetujui bersama majikan sebelum pengambilan pelatih.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	TVET perlu teroka teknologi kuantum
PAUTAN	https://tinyurl.com/msnmryv5



Ahmad Zahid ketika melakukan simbolik perasmian Ekspo TVET @ KKDW di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam. Foto oleh M. FIRDAUS M. JOHARI/KOSMO!

NEGARA

TVET perlu teroka teknologi kuantum

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 25 Oktober 2026, 3:11 pm

SABAK BERNAM – Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu meneroka teknologi kuantum bagi melahirkan tenaga mahir yang bersedia menghadapi keperluan industri masa depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, penguasaan teknologi kecerdasan buatan (AI) ketika ini perlu disusuli persediaan menguasai teknologi baharu yang lebih maju.

Beliau yang merupakan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata, kurikulum TVET di bawah kementerian itu perlu sentiasa dikemas kini manakala kerjasama dengan pihak industri mesti diperkukuh bagi membuka akses kepada teknologi dan kepakaran terkini.

"Kita mesti berfikir lebih jauh dan keluar daripada kepompong yang ada. Kita tidak mahu menjadi jaguh kampung.

"Hari ini kita memperkukuh penguasaan AI, tetapi kita juga mesti bersedia untuk teknologi yang bakal membentuk masa depan iaitu bidang kuantum," katanya ketika berucap merasmikan Ekspo TVET @ KKDW di sini, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Tiga inisiatif strategik perkukuh TVET, perluas peluang kerjaya belia desa - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/3bterv9k

Tiga inisiatif strategik perkukuh TVET, perluas peluang kerjaya belia desa - Ahmad Zahid



Yasmin Ahmad
25/10/2026 | 15:00 MYT



Ahmad Zahid ketika merasmikan Ekspo Tvet @ KKDW di pekarangan Stadium Sungai Besar hari ini. - Foto Bernama

Ringkasan AI

- KKDW memperkenalkan tiga inisiatif strategik TVET, fokus kepada kerjaya bergaji tinggi, pembangunan perusahaan desa dan penggunaan teknologi pintar serta hijau.
- Peruntukan TVET ditingkatkan kepada RM8 bilion dalam Belanjawan 2027 untuk memperkukuh latihan, kompetensi pengajar dan kebolehpasaran graduan.
- Kerjasama industri, termasuk dengan Samsung SDI Energy Malaysia dan institusi China, diperluas untuk membuka peluang pekerjaan dan pendedahan teknologi antarabangsa kepada graduan TVET.

SUNGAI BESAR: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menggariskan tiga inisiatif strategik bagi memperkukuh Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), dengan memberi tumpuan kepada laluan kerjaya bergaji tinggi, pembangunan perusahaan desa serta penggunaan teknologi pintar dan hijau.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, tiga inisiatif itu ialah Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW, TVET Jana Desa serta Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Malaysia Tribune
TAJUK	TVET perlu kuasai teknologi kuantum, bersedia hadapi keperluan masa depan – Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/vjr3f3wt



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyaksikan pameran teknologi robot pada Ekspo TVET@KKDW di Sungai Besar, Sabak Bernam.

Home / BERITA SEMASA / TVET perlu kuasai teknologi kuantum, bersedia hadapi keperluan masa depan – Zahid

BERITA SEMASA

TVET perlu kuasai teknologi kuantum, bersedia hadapi keperluan masa depan – Zahid

Khadijah Mohamad Nor 2 days ago 169 2 minutes read

SABAK BERNAM – Penguasaan teknologi kuantum perlu menjadi antara ukuran baharu kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memastikan generasi muda bersedia menghadapi perubahan teknologi masa depan. Teroka Teknologi

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, institusi TVET perlu bergerak melangkaui penguasaan kecerdasan buatan (AI) ketika ini dengan memberi perhatian kepada teknologi baharu yang bakal membentuk landskap industri.

Menurutnya, institusi TVET di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) perlu membuat persediaan awal, termasuk memastikan tenaga pengajar mendapat pendedahan terhadap perkembangan teknologi berkenaan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	KKDW gariskan tiga inisiatif strategik TVET, perkukuh kerjaya anak desa
PAUTAN	https://tinyurl.com/4r869xzn

KKDW gariskan tiga inisiatif strategik TVET, perkukuh kerjaya anak desa

Oktober 25, 2026, Ahad - 4:20pm



Ahmad Zahid beramah mesra bersama para pempamer sewaktu melawat ruang pameran ketika hadir pada Ekspo Tvet @ KKDW di pekarangan Stadium Sungai Besar hari ini. - *Gambar BERNAMA*

SUNGAI BESAR: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menggariskan tiga inisiatif strategik Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memperkukuh kebolehpasaran graduan serta membuka peluang penguasaan teknologi kecerdasan buatan (AI) kepada anak muda desa.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata inisiatif yang akan dilaksanakan secara berfasa itu merangkumi Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW, TVET Jana Desa serta Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW.

Beliau berkata Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW memerlukan kompetensi, syarat penempatan dan pakej gaji bagi program terpilih dipersetujui bersama majikan sebelum pengambilan pelatih.

"Saya mahu kerjasama ini menghasilkan padanan pekerjaan yang baik, gaji permulaan yang setimpal," katanya ketika berucap merasmikan Expo TVET@KKDW 2026 di Stadium Sungai Besar di sini hari ini, yang turut dihadiri Timbalan Menterinya Datuk Rubiah Wang.

Bagi inisiatif kedua, Ahmad Zahid berkata TVET Jana Desa bertujuan membolehkan graduan membina perusahaan teknikal dan mewujudkan peluang pekerjaan di daerah masing-masing.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Sarawak
TAJUK	GEMA@KKDW perkukuh pembangunan komuniti, tingkat kesejahteraan masyarakat desa
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc55zn32

GEMA@KKDW perkukuh pembangunan komuniti, tingkat kesejahteraan masyarakat desa

Utusan Sarawak October 25, 2026 TENGAH, WILAYAH

Facebook WhatsApp



ADUN Meradong, Datuk Ding Koung Hiing merasmikan Program GEMA@KKDW 2026 di Kampung Darul Falah, Sungai Gemuan. Foto Pusat Khidmat DUN Meradong

BINTANGOR, 25 Oktober: Pembangunan masyarakat desa perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan memberikan penekanan terhadap peningkatan kemahiran, pengukuhan ekonomi, kesejahteraan hidup dan kepimpinan komuniti bagi memastikan penduduk luar bandar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meradong, Datuk Ding Kuong Hiing berkata, usaha tersebut memerlukan penglibatan aktif masyarakat dan kerjasama berterusan antara penduduk dengan agensi kerajaan bagi mengenal pasti keperluan pembangunan setempat.

"Program GEMA@KKDW memberi tumpuan kepada pembangunan golongan dewasa dan belia melalui pelbagai aktiviti yang merangkumi aspek kemahiran, ekonomi, kesejahteraan dan kepimpinan.

"Penglibatan aktif masyarakat dalam program seperti ini penting bagi memperkukuh keupayaan komuniti supaya lebih bersedia menghadapi perubahan semasa, sekali gus meningkatkan taraf kehidupan penduduk," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Sarawak
TAJUK	130 peserta GEMA@KKDW didedah ilmu keselamatan kebakaran di Sungai Gemuan
PAUTAN	https://tinyurl.com/49ptpn33

130 peserta GEMA@KKDW didedah ilmu keselamatan kebakaran di Sungai Gemuan

Utusan Sarawak October 25, 2026 TENGAH, WILAYAH

Facebook WhatsApp



PESERTA belajar cara mengendalikan alat pemadam api dengan cara yang betul. Foto BBP Bintangor

BINTANGOR, 25 Oktober: Lebih kurang 130 peserta Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA@KKDW) mendapat pendedahan mengenai keselamatan kebakaran, khususnya kaedah menangani kebakaran di dapur dan penggunaan alat pemadam api, di Kampung Darul Falah, Sungai Gemuan semalam.

Program yang melibatkan lima anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintangor tersebut memberikan penekanan terhadap pendidikan pencegahan kebakaran dan kemahiran asas menghadapi situasi kecemasan dalam kalangan masyarakat setempat.

Ketua BBP Bintangor, Mahmudin Narudin berkata, penglibatan pihak bomba dalam program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai risiko kebakaran.

"Melalui program ini, masyarakat diberikan penerangan mengenai keselamatan kebakaran, termasuk tatacara pemadaman kebakaran di dapur dan pengenalan kepada alat pemadam api.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Malaysia terus bantu Indonesia tangani masalah jerebu
PAUTAN	https://tinyurl.com/ycx6w2ky



Gambar hiasan

TERKINI

Malaysia terus bantu Indonesia tangani masalah jerebu

Oleh BERNAMA 25 Oktober 2026, 11:42 am

BAGAN DATUK – Malaysia terus menghulurkan bantuan kepada Indonesia bagi mengatasi isu jerebu merentas sempadan yang melanda ketika ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata komitmen tersebut telah dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Jumaat lepas, bagi memastikan tindakan sewajarnya dapat diselaraskan demi kesejahteraan bersama.

Ahmad Zahid berkata kerajaan republik itu telah mengerahkan lebih 16,000 anggota bersama pelbagai aset pesawat dan helikopter pemadam api, namun operasi udara berdepan cabaran susulan jarak penglihatan yang terhad selain ketiadaan kelompok awan bagi melaksanakan operasi pembenihan hujan.

"Jadi kita bersimpati dengan keadaan mereka. Bagaimanapun, kita masih mengharapkan agar masalah ini dapat diselesaikan kerana ia mengakibatkan negara-negara jiran terutamanya Malaysia mengalami keburukan jerebu ini kepada kesihatan, terutamanya mereka yang mempunyai penyakit berkaitan dengan alahan daripada jerebu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Larian Jambatan Sultan Nazrin Shah Bagan Datuk 2026 di sini hari ini.

Ahmad Zahid berkata, komunikasi dua hala telah pun digerakkan di peringkat tertinggi bersama kepimpinan Kerajaan Indonesia bagi membincangkan situasi semasa tersebut.

Mengenai program larian hari ini, beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata program itu berjaya menarik 1,700 peserta tempatan dan luar negara antaranya Australia, Indonesia, Singapura, Perancis, India, Nepal dan Thailand serta negara-negara ASEAN. – Bernama

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Malaysia terus bantu Indonesia tangani masalah jerebu
PAUTAN	https://tinyurl.com/4umtayre

MALAYSIA

Malaysia terus bantu Indonesia tangani masalah jerebu - Ahmad Zahid

Bernama
25/10/2026 | 11:50 MYT



Ahmad Zahid hadir pada majlis penyampaian hadiah Program Larian Jambatan Sultan Nazrin Shah Daerah Bagan Datuk di Tapak Pasar Malam Bagan Datuk, hari ini. - Gambar Bernama

BAGAN DATUK: Malaysia terus menghulurkan bantuan kepada Indonesia bagi mengatasi isu jerebu merentas sempadan yang melanda ketika ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, komitmen tersebut telah dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Jumaat lepas, bagi memastikan tindakan sewajarnya dapat diselaraskan demi kesejahteraan bersama.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Malaysia terus bantu Indonesia tangani masalah jerebu
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc2stu9e

AM > BERITA

Malaysia Terus Bantu Indonesia Tangani Masalah Jerebu - Ahmad Zahid

25/10/2026 01:28 PM



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika hadir pada majlis penyampaian hadiah Program Larian Jambatan Sultan Nazrin Shah Daerah Bagan Datuk di Tapak Pasar Malam Bagan Datuk hari ini. -- fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

BAGAN DATUK, 25 Okt (Bernama) -- Malaysia terus menawarkan bantuan kepada Indonesia bagi mengatasi isu jerebu merentas sempadan yang melanda ketika ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata komitmen tersebut telah dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Jumaat lepas, bagi memastikan tindakan sewajarnya dapat diselaraskan demi kesejahteraan bersama.

Ahmad Zahid berkata kerajaan republik itu telah mengerahkan lebih 16,000 anggota bersama pelbagai aset pesawat dan helikopter pemadam api, namun operasi udara berdepan cabaran susulan jarak penglihatan yang terhad selain ketiadaan kelompok awan bagi melaksanakan operasi pembenihan hujan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	The Rural and Regional Development Ministry has outlined three TVET initiatives to improve graduates' employment
PAUTAN	https://tinyurl.com/bd7vj8zk

#BernamaNews: The Rural and Regional Development Ministry has outlined three TVET initiatives to improve graduates' employment p...

Local | Technology | 26 Oct 2026 • 12:40 AM MYT

Bernama TV
Welcome to the official Bernama TV FB page. Our objective is to bring you fast and factual news. Constructive feedback and comments are welcome.



#BernamaNews: The Rural and Regional Development Ministry has outlined three TVET initiatives to improve graduates' employment prospects and equip rural youths with AI skills.

#digitalbernamatv #ai #kkdw

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Tiga inisiatif strategik digariskan menerusi TVET@KKDW bagi memperkukuh kebolehpasaran graduan, melahirkan usahawan
PAUTAN	https://tinyurl.com/45234vfz

#BuletinBernama: Tiga inisiatif strategik digariskan menerusi TVET@KKDW bagi memperkukuh kebolehpasaran graduan, melahirkan usah...

Local | Startup 25 Oct 2026 • 10:47 PM MYT

Bernama TV
Welcome to the official Bernama TV FB page. Our objective is to bring you fast and factual news. Constructive feedback and comments are welcome.



#BuletinBernama: Tiga inisiatif strategik digariskan menerusi TVET@KKDW bagi memperkukuh kebolehpasaran graduan, melahirkan usahawan teknikal di luar bandar serta meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan usahawan desa.

#digitalbernamatv #tvet #kkdw

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Ekspo TVET@KKDW 2026 di Sabak Bernam
PAUTAN	https://tinyurl.com/mrxvkz3k

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	KKDW Gariskan Tiga Inisiatif Strategik TVET, Perkukuh Kerjaya Anak Desa
PAUTAN	https://tinyurl.com/bd9bae77

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	KKDW Outlines Three Strategic TVET Initiatives to Boost Rural Youth Careers
PAUTAN	https://tinyurl.com/2s46b9t6

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	KKDW Unveils Three New TVET Initiatives to Boost Graduate Employability and AI Skills
PAUTAN	https://tinyurl.com/4a87dwjd

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Tiga Inisiatif TVET Diperkenal, Anak Muda Desa Disasar Kuasai AI dan Teknologi Kuantum
PAUTAN	https://tinyurl.com/2b68mcwb

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Ekspo TVET@KKDW 2026: Perkasa Kemahiran, Buka Peluang Kerjaya
PAUTAN	https://tinyurl.com/jt23wa3f

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Strategic initiatives: KKDW unveils three TVET initiatives to boost graduate employability and AI skills
PAUTAN	https://tinyurl.com/4j5y6wy9

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV9
TAJUK	Tiga Inisiatif TVET Sasr Luaskan Peluang Kerjaya Anak Desa
PAUTAN	https://tinyurl.com/3echxv72

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV3
TAJUK	TVET: Govt outlines three initiatives to develop skilled workers, entrepreneurs
PAUTAN	https://tinyurl.com/vmcj3kb8

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	TVET perlu kuasai teknologi kuantum
PAUTAN	https://tinyurl.com/yhadjzk7

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	TVET perlu kuasai teknologi kuantum
PAUTAN	https://tinyurl.com/yhadjzk7

TVET perlu kuasai teknologi kuantum

Ia bagi memastikan tenaga mahir negara bersedia menghadapi perubahan teknologi masa depan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR - Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu mula bersedia menghadapi perkembangan teknologi kuantum dan tidak hanya menumpukan penguasaan kecerdasan buatan (AI).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, persediaan itu penting bagi memastikan tenaga mahir negara bukan sahaja mampu memenuhi keperluan industri semasa, malah bersedia menghadapi perubahan teknologi masa depan.

Menurutnya, institusi TVET perlu memperkukuh pendedahan pengajar kepada teknologi baharu, memperbaharui kurikulum secara berterusan serta memperluas kerjasama dengan industri.

"Pengajar perlu mendapat pendedahan lebih awal, kurikulum mesti sentiasa diperbaharui dan kerjasama industri perlu membuka akses kepada teknologi baharu.

"Kita mesti melatih anak-anak untuk keperluan hari ini, sambil menyediakan mereka bagi peluang hari esok," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Ekspo TVET@KKDW 2026 di sini pada Ahad.

Menurut Ahmad Zahid, keperluan melihat perkembangan teknologi melangkaui AI turut mendorongnya mencadangkan penubuhan Jabatan Kuantum yang berpotensi dikembangkan menjadi sebuah fakulti ketika berada di Universiti Teknologi Mara (UiTM) baru-baru ini.

Dalam pada itu, katanya, seramai 1,000 belia bumiputera disasarkan mendapat penempatan pekerjaan dalam sektor bertumbuhan tinggi menerusi usaha memperkukuh pendidikan TVET di bawah Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Beliau menjelaskan, sasaran itu merupakan antara inisiatif dalam belanjawan tahun depan bagi memperluas peluang pekerjaan kepada golongan belia khususnya dalam sektor memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Ahmad Zahid berkata, KKDW turut menggariskan tiga inisiatif strategik TVET secara berfasa.

Katanya, inisiatif itu termasuk Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW, TVET Jana Desa serta Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW.

"Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW memberi tumpuan kepada persetujuan bersama majikan berhubung kompetensi, syarat penempatan dan pakej gaji bagi program terpilih sebelum pengambilan pelatih.

"TVET Jana Desa bertujuan menggalakkan graduan membina perusahaan teknikal dan mewujudkan peluang pekerjaan di daerah sendiri termasuk dalam bidang penyelenggaraan jentera pertanian, pam dan sistem penyejukan.

"Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW pula memberi tumpuan kepada pembangunan penyelesaian teknikal melalui pemantauan mesin, automasi AI dan kecekapan tenaga bagi membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos operasi," katanya.



Ahmad Zahid merasmikan Ekspo TVET@KKDW di pekarangan Stadium Sungai Besar pada Ahad.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Teknologi kuantum ukuran baharu dalam TVET
PAUTAN	https://tinyurl.com/mpzjbcak

Teknologi kuantum ukuran baharu dalam TVET

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

SABAK BERNAM: Pengetahuan dan kemahiran terhadap penguasaan teknologi kuantum menjadi ukuran baharu dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyiapkan generasi muda pada hari ini.

Langkah itu merupakan sebahagian daripada usaha memastikan kemahiran berteraskan teknologi yang bakal membentuk masa depan itu dapat dikuasai dan diadaptasi seperti mana penguasaan terhadap kecerdasan buatan (AI) ketika ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, institusi TVET di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah perlu bersedia dan memastikan pengajar mendapat pendedahan awal.

"Tetapi kita mesti berfikir menjangkauinya ke hadapan. Kurikulum (TVET) mesti sentiasa diperbaharui dan kerjasama industri perlu membuka akses kepada teknologi baharu.

"Kita mesti melatih anak-anak untuk keperluan hari ini, sambil menyediakan mereka bagi peluang hari esok. Kita kena pastikan generasi muda bersedia dengan gelombang teknologi baharu. Itulah ukuran kecemerlangan yang mahu kita bina," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Ekspo TVET@KKDW di sini, semalam.



AHMAD Zahid Hamidi (tengah) melihat pameran teknologi pada Ekspo TVET@KKDW di Sungai Besar, Sabak Bernam, semalam. - UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI

Justeru, untuk tujuan tersebut beliau menggariskan tiga inisiatif strategik TVET di bawah kementeriannya bagi membawa hala tuju tersebut secara berfasa termasuk Perjanjian Kerjaya Premium, TVET Jana Desa dan Bengkel Pintar dan Hijau.

"Bagi program terpilih, kompetensi, syarat penempatan dan pakej gaji perlu dipersetujui bersama majikan sebelum mengambil pelatih. Kita mahu graduan membina perusahaan teknikal dan membuka pekerjaan di daerah sendiri.

"Bengkel institusi perlu menjadi tempat pelatih, pengajar dan industri membangun penyelesaian bersama. (Ia) Mesti membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos," jelasnya.

Terdahulu, penganjuran ekspo kali ke lapan itu mengetengahkan kekuatan lapan agensi di bawah kementerian berkenaan yang melibatkan 281 institusi menawarkan program TVET.

Ahmad Zahid memaklumkan negara sedang berusaha meningkatkan jumlah pusat pendidikan yang menawarkan latihan apabila sebanyak 1,996 institusi merangkumi awam dan swasta.

"Institusi TVET terutamanya pihak swasta begitu rancak mengembangkan sayapnya dengan menubuhkan institusi di seluruh negara yang akhirnya daripada 1,398 meningkat kepada 1,996 institusi," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OKTOBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sin Chew Daily
TAJUK	Tingkatkan kebolehpasaran dan daya saing pekerjaan belia luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/53vrmrks

扎希：制定TVET三策略
加强乡区青年就业竞争力

（大港25日讯）乡村及区域发展部制定三项技职教育与培训（TVET）策略措施，以加强毕业生的就业竞争力，并为乡区青年创造掌握人工智能技术的机会。

副首相兼乡村及区域发展部长拿督斯里阿末扎希说，有关措施将分阶段落实，分别是TVET优质职业协议、TVET教育振兴计划及TVET智能与绿色工作坊。

他今日在2026年乡村及区域发展部TVET展览上致词时说，TVET优质职业协议要求在招收学员前，必须由雇主与相关单位，就特定课程的能力要求、安置条件及薪资待遇达成一致协议。

“我希望这项合作能促成良好的职业匹配，并提供合理的起薪。”

阿末扎希说，TVET教育振兴计划旨让毕业生创办技术性企业，并在各自所在的县区创造就业机会。

他指出，TVET智能与绿色工作坊则将鼓励学员、讲师与业界合作，研发技术解决方案，以提高生产力，并降低乡区企业家的营运成本。

助1000青年进高增长领域

他说，这也配合2027年财政预算案的目标，即通过人民信托局安排1000名土著乡区青年进入高增长领域就业，同时善用玛拉促进中心（GiatMARA）的电线安装技能，为2万户有需要的家庭修复电线。



阿末扎希驻足欣赏展区内展示的铁艺雕塑。（马新社图）

“我希望乡村及区域发展部与执行机构及业界伙伴，共同厘清涉及的行业、融资安排及成果目标，相关措施的执行情况必须能被监督，确保援助惠及目标群体。”

此外，阿末扎希说，TVET教育机构必须做好准备，以应对未来的技术发展，包括量子技术，同时进一步加强人工智能技术的掌握能力。

出席者包括乡村及区域发展部副部长拿督鲁比雅。